

11/09/2003

Dr M lawat Kelantan Isnin

KOTA BHARU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan, Isnin ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Mat Nawi Mat Jusoh, berkata ketika lawatan itu, Perdana Menteri akan berucap pada perasmian Jambatan Tendung-Wakaf Che Yeh berharga RM166 juta oleh Sultan Kelantan.

Selepas itu beliau akan menemui jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan di sebuah hotel di sini dan seterusnya dijadual merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1).

Pada akhir lawatan sebelum berlepas pulang, Dr Mahathir akan menghadiri majlis jamuan makan malam bersama pegawai kerajaan Negeri dan Persekutuan di Kompleks Sekolah-sekolah Wakaf Mek Zainab di sini.

Sementara itu, ribuan rakyat Kelantan dijangka turut menghadiri majlis perasmian jambatan sepanjang 960 meter itu iaitu satu projek mesra rakyat yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan.